


WILAYAH **KU**

BIL 25 28 JUN - 4 JULAI 2019

PERCUMA PP19441/12/2018 (035014)

mediawargakota



Bahana vandalisme

DBKL tanggung kos RM2 juta baiki kemudahan River of Life rosak

BARU setahun orang ramai menikmati keindahan landskap projek Sungai Nadi Kehidupan atau River of Life (RoL) di sekitar Masjid Jamek, Jalan Tun Perak sehingga

Jalan Raja. Namun kini ia sudah menjadi sasaran perbuatan vandalisme oleh pihak tidak bertanggungjawab.

Kerosakan tersebut membuatkan Dewan

Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) terpaksa mengeluarkan perbelanjaan untuk pembaikan mencecah RM2 juta.

BERITA PENUH DI MUKA 2



LALUAN pejalan kaki pecah dan terkopak berikutan terdapat kenderaan yang melaluinya.



DINDING di kawasan RoL juga turut diconteng oleh pihak yang tidak bertanggungjawab.



GELANDANGAN menjadikan kawasan berhadapan Masjid Jamek sebagai tempat untuk mereka tidur dan menjemur pakaian.

DBKL tanggung kos hampir RM2 juta baiki kemudahan infrastruktur

River of Life rosak akibat vandalisme

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com
Foto **NAZIRUL ROSELAN**

KUALA LUMPUR – Sepelas kira-kira setahun dibuka kepada umum, projek Sungai Nadi Kehidupan atau River of Life (RoL) fasa pertama di sekitar Masjid Jamek, Jalan Tun Perak sehingga Jalan Raja mula menjadi 'mangsa keganasan' warga kota.

Kerosakan akibat perbuatan vandalisme itu bukan sahaja mencacatkan pemandangan malah mengakibatkan kerugian yang tinggi kepada kerajaan.

Ini kerana, kos pembaikan yang perlu ditanggung Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) selaku pelaksana projek tersebut dari tahun lalu hingga Februari lepas dianggarkan mencecah RM2 juta.

Tinjauan Wilayahku di sekitar laluan berkenaan yang turut dikenali sebagai Kolam Biru itu mendapati, pelbagai kerosakan dapat dilihat dengan jelas antaranya salah satu cermin pada pemegang tangga pecah akibat tindakan pihak tidak bertanggungjawab.

Laluan sepanjang 150 meter itu turut dicemari den-

gan kesan conteng malah terdapat beberapa lantai kayu serta jubin yang rosak dan pecah.

Tampalan yang dilakukan bagi menggantikan lantai rosak pula tidak seperti keadaan asal sekali gus mencacatkan lagi panorama kawasan berkenaan.

Beberapa kemudahan awam seperti tong sampah juga dirosakkan manakala penunjuk arah berhadapan Masjid Jamek yang terletak berhampiran payung gergasi seperti payung hidraulik di Masjid Nabawi itu dicungkil sehingga menyukarkan pengunjung mengetahui arah serta nama lokasi setempat.

Difahamkan, kerosakan tersebut bukan sahaja disebabkan perbuatan pengunjung tidak bertanggungjawab malah akibat kegiatan pemain papan seluncur yang menjadikan kawasan RoL sebagai tempat memamerkan aksi mencabar mereka.

Pemain papan seluncur terlibat menjadikan pemegang tangga serta beberapa tempat duduk di sekitar kawasan RoL sebagai tempat melakukan aksi mereka.

Ekoran itu, kawasan bucu tempat duduk pecah selain



DINDING kaca di tebing Kolam Biru pecah akibat perbuatan vandalisme.

menyukarkan pengunjung beristirehat bagi menyaksikan keindahan pancuran air di lokasi pertemuan aliran Sungai Klang dan Sungai Gombak itu.

Lebih menjelekkan adalah kelibat golongan gelandangan yang tanpa rasa malu tidur di atas kerusi-kerusi yang disediakan untuk pengunjung di sekitar RoL.

Golongan terbabit juga menjadikan tembok serta pagar khususnya di hadapan Masjid Jamek sebagai tempat menyangkut pakaian mereka.

Keadaan itu mencemari dan merosakkan keindahan pemandangan kawasan RoL

selain menyebabkan pelancong asing berasa takut dan tidak selesa serta tidak dapat merakam gambar kenangan di mercu tanda baharu ibu negara itu.

Statistik yang dikeluarkan Kementerian Wilayah Persekutuan menyatakan, sebanyak 530 gelandangan dikenal pasti berada di sekitar lokasi RoL dengan pecahan 446 (lelaki), 76 (wanita), kanak-kanak (enam) dan dua orang kurang upaya (OKU).

Kesemua mereka menjadikan kawasan panas melibatkan RoL iaitu di Jalan Lumut, Jalan Ipoh Kecil, Tiong Nam, Medan Tuanku, Masjid India, Jalan Petaling, Lebu-

Info Projek River of Life (RoL)

- Lapan batang sungai ditransformasi

Dibahagikan kepada dua Fasa iaitu:

- Fasa 1, Presint 7 - Gereja Besar St. Mary sehingga LRT Pasar Seni
- Fasa 2, Pakej 1C & 1D - Dataran Merdeka, Jalan Tun Perak sehingga Jalan Tun Tan Cheng Lock dan Masjid India
- Fasa 2, Pakej 2 - Titiwangsa
- Fasa 2, Pakej 3A & 3B - Kawasan Sungai Gombak dari PWTC sehingga Jalan Parlimen dan Kawasan Sungai Klang dari Dang Wangi sehingga Masjid Jamek
- Fasa 2, Pakej 4A & 4B - Kawasan Sungai Klang dari Jalan Kinabalu sehingga Jalan Maarof dan Brickfields

Tiga komponen utama

- 1) Pembersihan sungai
- 2) Pengindahan sungai
- 3) Pengkomersialan dan pelancongan

- Projek kolam biru
- Dibangunkan di Fasa 1, Presint 7 Masjid Jamek Sultan Abdul Samad
- Koridor biru sepanjang 150 meter
- Tarikan baharu ibu negara
- Kos RM4.4 bilion

Pudu, Kolej Segi, Masjid Negara dan Brickfields sebagai tempat 'melepak' walaupun kerajaan telah menyediakan kemudahan serta pusat perlindungan yang selesa.



Jiwa kental Siti Farizun

Oleh **AZLAN ZAMBRY**
azlanwilayahku@gmail.com
Foto **NAZIRUL ROSELAN**

GADIS ini tidak pernah menjangkakan dia akan menganggotai Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) kerana karier tersebut begitu asing dengan dirinya. Manakan tidak, sewaktu di bangku sekolah, dia tidak pernah terdedah dengan aktiviti kebombaian.

Namun bagi Siti Farizun Naim, 31, apabila mendapat tawaran daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA), dia akhirnya menyahut seruan menyertai latihan sebagai pegawai bomba.

"Mungkin rezeki saya di dalam pasukan bomba maka setahun selepas bekerja di sektor swasta saya telah diterima



untuk mengikuti latihan kebombaian di Akademi Bomba dan Penyelamat Malaysia pada tahun 2013," kongsinya kepada Wilayahku baru-baru ini.

Pemegang Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Maklumat Universiti Teknologi Mara (UiTM) ini menceritakan, pengalaman pertamanya direkrut sebagai pelatih pegawai bomba agak tertekan kerana cara layanan dan latihan yang harus dilalui.

"Pengalaman 'roll call' tengah malam dan kekurangan rehat amat meletihkan malah semua perkara perlu pantas dan sekiranya terdapat kesalahan yang dilakukan oleh salah seorang pelatih, semua perlu dipertanggungjawabkan dan dikenakan hukuman amat menguji ketahanan mental dan fizikal.

"Namun, saya dapat lalui dengan sabar dan sentiasa bersemangat kerana rakan pelatih untuk sentia-

sa menyokong dan membantu satu sama lain sehingga tamat latihan.

"Saya menjalani latihan selama tiga bulan di Wakaf Tapai, Terengganu dan kemudian bersambung lima bulan di Kuala Kubu Bharu, Selangor dan baki tiga bulan lagi menjalani latihan amali di Balai Bomba Jalan Hang Tuah dan Balai Bomba Shah Alam," kata anak kelahiran Perak itu.

Cerita Siti Farizun lagi, antara latihan yang pernah dilalui ialah pada satu ketika dia perlu berada dalam sebuah kontena dalam keadaan api yang sangat marak sehingga topi keledar cair dan meredah api bagi memadamkan 'kebakaran' tersebut.

Selain itu katanya, dia juga tidak dapat melupakan pengalaman menjalani latihan menyelamat dalam saluran pembetungan yang sempit dengan jarak penglihatan yang terhad kerana laluan tersebut diletakkan 'foam'.

"Kami terpaksa merangkak hanya dengan menggunakan deria rasa sehinggalah berjaya keluar daripada saluran sempit itu," katanya sambil mengakui saat itu dia berasa hampir menemui ajal.

1,200 murid sertai Seminar Kecemerlangan UPSR anjuran YWP

Kuasai teknik menjawab soalan

Oleh **NAZWIN NAZRI**
winwilayahku@gmail.com

PUTRAJAYA – Seramai 1,200 orang murid Tahun Enam di sekitar Wilayah Persekutuan akan menyertai Seminar Kecemerlangan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) bagi membolehkan golongan terlibat menghadapi peperiksaan yang dijadual berlangsung pada September ini.

Program yang dianjurkan secara percuma oleh Yayasan Wilayah Persekutuan (YWP) itu memberi pendedahan tentang teknik dan tips menjawab soalan peperiksaan serta memberikan motivasi kecemerlangan kepada murid-murid berkenaan.

Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abd. Samad berkata, kesemua murid yang terlibat itu dipilih oleh Jabatan Pendidikan Wilayah



KHALID (tengah), **Zaizalnim** (empat dari kiri) dan **Farizah** (lima dari kanan) bergambar bersama peserta Seminar Kecemerlangan UPSR Peringkat Wilayah Persekutuan selepas merasmikan program itu di SK Presint 11 (1), Putrajaya baru-baru ini. Gambar - **NAZIRUL ROSELAN**

Persekutuan dan pihak sekolah.

"Kriteria yang ditekankan dalam pemilihan itu adalah murid yang

dilihat berpotensi untuk mencapai keputusan cemerlang dalam UPSR nanti dan mereka yang terdiri dari-

pada kategori berpendapatan rendah (B40).

"Untuk UPSR, ia pertama kali dijalankan pada tahun ini. Kalau seminar ini mendapat permintaan daripada Jabatan Pendidikan dan guru pun efektif, kita mungkin akan pertimbangkan pelaksanaannya sekali lagi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Seminar Kecemerlangan UPSR Peringkat Wilayah Persekutuan di Dewan Sekolah Kebangsaan Presint 11 (1) di sini baru-baru ini.

Hadir sama Ketua Pegawai Eksekutif YWP, **Zaizalnim Zainun** dan Pengarah Jabatan Pendidikan WP Putrajaya, **Farizah Ahmad**.

Khalid yang juga Pengerusi YWP berkata, pihaknya berharap murid-murid yang terlibat akan lebih bersemangat untuk mencapai keputusan cemerlang dalam UPSR nanti.